

# Taklid Mazhab Syafi'i di Malaysia: Satu Tinjauan dalam Konteks *Maslahah* Perpaduan Ummah

Mohd Hapiz Mahaiyadin<sup>1\*</sup>, Sumayyah Abdul Aziz<sup>2</sup>

<sup>1</sup> *Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia*

<sup>2</sup> *Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,  
Kampung Gong Badak, 21300, Terengganu, Malaysia*

\*Pengarang Penghubung  
mohdhapiz659@uitm.edu.my

Received: 4 June 2020

Accepted: 23 June 2020

Online First:

## ABSTRAK

*Artikel ini memfokuskan kepada hukum taklid dan keiltizaman orang awam dengan sesebuah mazhab fiqah khususnya mazhab Syafi'i di Malaysia. Meneliti persoalan tersebut, kajian ini menggunakan metod analisis kandungan dengan meneliti pandangan usuliyyin (ulama usul fiqah) mengenai hukum taklid mazhab. Kebanyakan usuliyyin menyatakan syarak hanya mewajibkan orang awam supaya merujuk kepada ahl al-zikr (ulama) bagi mendapatkan penjelasan hukum tanpa terikat kepada sesebuah mazhab. Realiti di Malaysia menunjukkan kebanyakan hukum fiqah mazhab Syafi'i telah menjadi amalan lazim dalam ibadat, diadaptasi dalam kurikulum pendidikan asas Islam di sekolah rendah dan menengah termasuk dikanunkan dalam akta dan enakmen pentadbiran Islam negeri-negeri. Keadaan sama berlaku di kebanyakan negara Islam. Lantaran itu, kajian ini merumuskan mazhab Syafi'i perlu menjadi panduan utama untuk pengamalan hukum syarak yang konsisten dalam kalangan awam. Bagi golongan ilmuan, mazhab ini boleh menjadi asas ilmiah bagi meneroka*



Copyright© 2019 UITM Press.  
This is an open access article  
under the CC BY-NC-ND license

PENERBIT  PRESS  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

*istifadah daripada pelbagai mazhab fiqah muktabar, untuk penyediaan keputusan fatwa semasa yang menjaga masalah umat Islam. Justeru, kajian ini mendapati pendekatan yang mendokong asas perpaduan masyarakat di sebalik keiltizaman orang awam dengan mazhab Syafi'i di Malaysia lebih wajar diutamakan daripada pendekatan bebas mengikut fatwa pelbagai mazhab yang sukar dikawal. Demi meraikan kebebasan bermazhab, kajian ini tidak melarang para ilmuan agama bermal dengan fatwa selain mazhab Syafi'i asalkan dapat meraikan adab-adab ikhtilaf pendapat dengan harmoni.*

**Kata Kunci:** *Taklid, Itizam, Mazhab, Taklid, Fiqah dan Ikhtilaf.*

## **Taqlid of The Syafi'i Mazhab in Malaysia: An Overview in the Context of Maslahah for the Unity of Ummah**

### **ABSTRACT**

*This article focuses on the issue of taklid and public adherence to a particular mazhab of fiqh, especially the Syafi'i mazhab in Malaysia. In examining the issue, this study uses the method of content analysis by studying the views of usuliyyin (ulama usul fiqah) on the practice of taqlid. Most usuliyyin state that syariah only requires the public to refer to ahl al-zikr (scholars) to get an explanation of the fatwa without being tied to any particular mazhab. The reality in Malaysia shows that most of the jurisprudence laws of the Syafi'i's mazhab have become a common practice in ritual matters, adapted into the curriculum of basic Islamic education in primary and secondary schools including codified in the Islamic administrative acts and enactments of the states. Therefore, this study shows that the Syafi'i mazhab should be the main guide for the consistent practice of Islamic law among the public. For scholars level, this mazhab may serve as a scientific basis for exploring the fatwa of the various mazhab in order to prepare the current fatwa for Muslims' interest. Thus, this study found that the public's adherence to the Shafi'i mazhab in Malaysia is preferred to be more effective approach in promoting unity of Muslim society rather than following the fatwa of various mazhab that are difficult to control. For the sake of freedom of following mazhab, this study does not prohibit Muslim scholars from practicing*

*fatwa other than the Syafi'i mazhab as long as they adhere to the ethics of disagreement in harmony.*

**Keywords:** *Taklid, Iltizam, Mazhab, Fiqah and Ikhtilaf.*

## **PENDAHULUAN**

Daripada segi bahasa, taklid bermaksud menggantung atau meletak sesuatu pada suatu tempat atau mengikut seseorang (al-Mu'jam al-Asasi, t.t). Secara umumnya, taklid adalah mengikut pandangan orang lain tanpa mengetahui dalil. Termasuk dalam pengertian taklid, orang yang mengikut seseorang walaupun pegangan tersebut ternyata tidak betul (Al-Khudari, t.t ; al-Hafnawi, 1995).

Makna taklid dalam konteks pengajian syariah dan fiqah pula ialah seseorang muqallid mengikut (*ittiba'*) fatwa-fatwa mazhab seseorang imam dan para ulamanya kerana meyakini bahawa rumusan ijtihad mereka daripada sumber al-Quran dan sunnah berdasarkan metodologi hukum yang dipercayai benar, yang mana dia (muqallid) tidak mampu mengetahuinya dengan sendiri (Al-Hafnawi, 1995).

Para usuliyin (ulama usul fiqah) membahagikan taklid kepada dua jenis iaitu taklid yang diharamkan dan taklid yang diharuskan (Al-Subki, 1995). Perbezaan hukum tersebut disebabkan faktor kemampuan mengetahui hukum syarak tidak sama antara orang alim dengan orang awam.

Keperluan bertaklid bagi fuqaha (ulama fiqah) seperti Imam Abu Hanifah, Malik, al-Syafi'i dan Ahmad sudah tentu tidak wajar kerana mempunyai kemampuan untuk berijtihad mengetahui hukum hakam seperti para fuqaha lain. Hal ini kerana mereka mempunyai khazanah fatwa bernilai berdasarkan kaedah dan metodologi ijtihad masing-masing yang menjadi ikutan masyarakat Islam seluruh dunia.

Manakala bagi orang awam, amalan bertaklid kepada fatwa mazhab fiqah seperti mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali adalah suatu yang lazim dalam konteks hukum syarak. Ini kerana menurut al-Subki (1995),

orang awam merujuk kepada golongan yang tidak memenuhi syarat-syarat berijtihad seperti dimiliki para sarjana ulung syariah (Al-Subki, 1995)<sup>1</sup>.

Sementara perkataan mazhab pula berasal daripada bahasa Arab. Menurut Ibnu Manzur (1993), *mazhab* atau jamaknya *mazahib* bermaksud sesuatu yang dituju atau dijadikan pegangan (*ma yuzhabu ilayhi*). Izz al-Din al-Tamimi (1990) menjelaskan sebutan mazhab Syafi'i (sebagai contoh) mencakupi rumusan pemikiran Imam al-Syafi'i termasuk doktrin dan juga metodologi ijtihad beliau dalam pengkajian al-Quran dan sunah, dan aliran pemikiran fiqah yang berkembang pada zamannya. Istilah mazhab Syafi'i turut meliputi segala penulisan dan pandangan hukum yang dihasilkan para murid dan pengikut imam al-Syafi'i, berlandaskan manhaj ilmiah beliau.

Mazhab-mazhab fiqah boleh dirumuskan sebagai segala hukum yang dipegang oleh para pengikutnya untuk diamal dan dijadikan fatwa. Mazhab juga boleh dianggap sebagai institusi pengajaran hukum syarak. Sementara fuqaha sesebuah mazhab ialah kumpulan pakar hukum yang mengkaji, menyelidik dan menyampaikan fatwa hukum syarak berdasarkan kaedah dan metodologi ijtihad mazhab fiqah berkenaan (Mohd Hapiz, 2018).

Mazhab fiqah lahir daripada proses perkembangan hukum Islam yang ditekuni oleh para fuqaha muktabar dalam usaha memahami tuntutan nas al-Quran dan Sunnah. Setiap mazhab akan bersambung keilmuannya kepada ajaran para sahabat seperti Abu Bakar, Umar, Ali, Zayd ibn Thabit, Ibn Abbas, Ibn Umar, Ibn Mas'ud, dan para ummul mukminin yang menjadi *khayrannas* (sebaik-baik manusia) pada zaman Rasulullah (Mohd Hapiz, 2017).

Dalam tradisi hukum Islam, masyarakat diberikan kebebasan untuk mengikut mana-mana pandangan ataupun fatwa setiap mazhab. Namun amalan taklid dan talfiq mazhab yang digunakan bagi tujuan menyeleweng adalah dilarang sama sekali. Contohnya seperti pemilihan fatwa secara selektif berdasarkan *tatabbu' al-rukhas* (mencari yang mudah) dan *al-tashahhiy* (mengikut nafsu) yang mencampuradukkan pelbagai mazhab sebagai helah untuk meninggalkan perkara wajib atau melakukan perkara haram (Ibn Amir al-Hajj, 1983; al-Syatibi, t.t.; al-Haitami, t.t).

---

<sup>1</sup> Orang awam tidak bermaksud jahil atau tidak berilmu kerana mungkin seseorang itu memiliki kepakaran dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, akauntan ataupun perubatan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan metod analisis kandungan dengan meneliti pelbagai pandangan usuliyyin mengenai hukum bertaklid secara umum dan beriltizam secara khusus dengan sesebuah mazhab fiqah seperti yang diamalkan oleh kebanyakan umat Islam pada hari ini. Semua pandangan tersebut akan dianalisis dengan mengambilkira realiti fatwa di Malaysia yang menetapkan kedudukan rasmi mazhab Syafi'i sebagai rujukan dalam enakmen pentadbiran Islam negeri-negeri. Seterusnya kajian ini akan mengemukakan beberapa dapatan penting dan rumusan mengenai sejauhmana taklid dan keiltizaman mazhab Syafi'i di Malaysia lebih relevan kepada perpaduan umat Islam dalam mengamalkan hukum syarak secara konsisten dan teratur berbanding pendekatan tidak bermazhab atau bebas mengikut pelbagai mazhab secara terbuka.

## **DISKUSI DAN PERBINCANGAN**

### **Taklid dan Iltizam Mazhab Menurut Perbahasan Usuliyyin**

Dalam kalangan usuliyyin, hukum bertaklid bagi orang awam terbahagi kepada dalam tiga pandangan seperti berikut (Al-Hafnawi, 1995; al-Zuhayli, 1996):

1. Haram bertaklid dan wajib berijtihad. Pandangan ini dipegang oleh sebuah aliran Muktazilah di Baghdad, Zahiriyyah dan sebahagian Imamiyyah. Menurut al-Ghazali dan Ibn Qudamah, pandangan ini jelas bertentangan dengan ijmak para sahabat yang tidak melarang orang awam bertaklid kepada ahli ilmu yang berbeza.
2. Wajib bertaklid kepada sebuah mazhab tertentu. Ia dipegang oleh al-Kiyaharasi dan beberapa orang lagi. Menurut pandangan ini, muqallid mengikut sesebuah mazhab dalam satu masalah kerana beranggapan mazhab tersebut betul. Lantaran itu, ia mesti beramal dengan kepercayaan tersebut.
3. Wajib bertaklid tetapi tidak wajib beriltizam dengan mana-mana mazhab. Ibn Burhan dan al-Nawawi mentarjihkan pandangan ini.

Orang ramai tidak wajib mengikut seorang imam dalam setiap masalah dan peristiwa hukum yang berlaku. Dia boleh bertaklid kepada mujtahid yang disukainya. Malah jika sebelum ini, dia beriltizam dengan mazhab Syafi'i, tidak semestinya perlu berterusan dengannya kerana dia diharuskan berpindah kepada mazhab lain.

Mengulas hukum taklid seperti di atas, Sheikh Muhammad al-Khudari (t.t) menegaskan bahawa berbeza dengan para ulama, golongan awam wajib bertanya hukum syarak kepada para ulama dan mengikut pandangan mereka. Kewajipan tersebut berdasarkan hujah-hujah di bawah:

1. Firman Allah SWT dalam al-Quran berbunyi:

فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: maka tanyakanlah olehmu kepada orang-orang yang berilmu, jika kamu tiada mengetahui

(Surah Al-Nahl: 43; Surah al-Anbiya' : 7)

Dalam ayat di atas, Allah SWT mengarahkan sesiapa yang tidak tahu (tentang sesuatu perkara) supaya bertanya kepada yang tahu. Ini menunjukkan bahawasanya manusia terbahagi kepada dua golongan iaitu alim dan jahil. Bagi yang jahil, mereka dikehendaki bertanya kepada yang alim mengenai perkara yang tidak diketahuinya apabila diperlukan.

2. Ijmak para sahabat menunjukkan mereka memberikan fatwa kepada orang ramai tanpa menyuruh semua orang berusaha mencapai tahap mujtahid. Perkara ini sudah sedia maklum dalam kalangan para ulama dan orang ramai.
3. Para ulama turut bersetakat bahawa pentaklifan orang ramai supaya menjadi mujtahid adalah mustahil kerana akan menyebabkan kehidupan awam huru hara. Segala pekerjaan dan kegiatan duniawi akan terbengkalai jika semua orang termasuk yang tidak memiliki kepakaran dalam bidang syariah terpaksa mengkaji hukum syarak sehingga mampu berijtihad, setiap kali timbul persoalan.
4. *Mustafti* (penyoal fatwa) perlu mendapatkan fatwa daripada seseorang mufti (pemberi fatwa) yang berilmu dan bersifat adil. Sekiranya

hanya terdapat seorang mufti di sesebuah tempat, maka *mustafti* wajib bertaklid kepadanya. Jika ramai, dia boleh bertanyakan sesiapa sahaja. Tidak semestinya bertanya kepada mufti yang lebih alim dan lebih senior. Namun beberapa ulama seperti al-Ghazali menggalakkan *mustafti* mencari mufti yang alim dan terbaik kerana posisi mufti seumpama dalil baginya.

Wahbah al-Zuhayli (1996) turut menyatakan taklid tidak wajar diharamkan mahupun diwajibkan secara mutlak kerana perlu mengambilkira beberapa keadaan semasa pada hari ini seperti kemampuan berijtihad seseorang dan bidang takhassus kepakaran masing-masing yang berbeza.

Bagi orang awam, mereka tidak ada pilihan kecuali mengikut ulama kerana keupayaan mereka amat terhad untuk berijtihad. Manakala ulama, sekalipun tidak mencapai tahap mujtahid, mereka tidak seharusnya terikat secara ketat dengan fatwa-fatwa mazhab. Mereka wajib meneliti setiap hukum fiqah dan menerima fatwa yang mempunyai dalil yang sahih dan menolak mana yang lemah tanpa bersikap fanatik kepada mazhab tertentu. Sebagai ulama, matlamat yang perlu dicapai oleh mereka hanyalah mencari kebenaran.

Seterusnya dalam isu keiltizaman dengan sesebuah mazhab fiqah pula, majoriti usuliyyin berpandangan tidak menjadi satu kesalahan kepada seseorang itu mengikut Abu Hanifah dalam satu masalah dan kemudiannya mengikut mujtahid lain. Demikian juga mengikut pendapat kuat seperti dinyatakan al-Amidi dan Ibn al-Hajib, amalan bertaklid kepada sesebuah mazhab secara khusus adalah dibolehkan kerana *mustafti* sejak dari zaman sahabat dahulu tidak statik dengan seorang mufti. Mereka bebas bertanya kepada sesiapa sahaja.

Dalam isu beriltizam dengan sesebuah mazhab secara konsisten, sebahagian usuliyyin berkata seorang itu terikat dengan mazhabnya. Namun mengikut pendapat yang dianggap kuat, iltizam mazhab adalah tidak terikat secara mutlak. Pendapat ini disokong oleh al-Rafi'i dan ramai ulama kerana setiap orang tidak boleh mewajibkan perkara yang tidak ditetapkan oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW seperti isu iltizam mazhab (Ibn Amir al-Hajj, 1983).

Al-Attar (t.t) turut menyatakan pendirian sama dengan memperincikan pandangan usuliyin mengenai isu perpindahan (*intiqal*) mazhab dalam kalangan muqallid yang beriltizam dengan sesebuah mazhab sebelum itu. Antaranya:

1. Imam al-Sam'ani berkata orang itu mesti beriltizam jika dirinya yakin pada kesahihan pendapat itu. Jika tidak yakin, ia tidak mulzim.
2. Imam Ibn Salah berkata orang itu mesti beriltizam jika di tempatnya tidak ada mufti lain. Jika ada ramai mufti, ia boleh memilih mufti tertentu.
3. Pendapat paling sahih, harus bagi muqallid merujuk kepada mujtahid lain dalam masalah lain, yakni tidak semestinya merujuk semua perkara kepada mujtahid tertentu.

Seterusnya al-Attar (t.t) menyatakan, sesiapa yang tidak mencapai taraf mujtahid wajib beriltizam dengan satu-satu mazhab yang diyakini kerajihannya daripada mazhab lain ataupun mazhab yang dilihatnya sama taraf kedudukan dengan mazhab lain. Muqallid perlu menyakini pilihan mazhabnya lebih rajih daripada mazhab lain.

Perkara penting yang perlu dijauhi oleh semua pihak ialah tidak boleh menghukumkan amalan orang yang berbeza dengan mazhab fiqah anutannya sebagai sesat, menyeleweng dan pengamal bid'ah. Jika berlaku, bentuk pemikiran berbahaya seperti ini perlu dibanteras kerana kewujudannya dapat mengganggu gugat keharmonian masyarakat.

### **Pengkanunan Fatwa Mazhab Syafi'i di Malaysia**

Pada masa kini, realiti fatwa di Malaysia menunjukkan bahawa mazhab Syafi'i menjadi mazhab rasmi seperti ditetapkan dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam kebanyakan negeri di mana setiap keputusan fatwa mesti berasaskan pendapat muktamad dalam mazhab tersebut. Justeru semua rakyat wajib mengikut ketetapan fatwa mazhab Syafi'i walaupun mereka mungkin bermazhab Hanafi ataupun tidak bermazhab. Kepatuhan tersebut bersifat mengikat semua orang dalam konteks interaksi hukum secara kolektif. Sekiranya masih terdapat pihak yang enggan akur, mereka



boleh dikenakan tindakan bukan kerana kebebasan bertaklid kepada mazhab lain, tetapi kerana melanggar ketetapan undang-undang di bawah autoriti pemerintah (*waliyyul amr*).

Penegasan hal tersebut dinyatakan antaranya dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 mengenai perlantikan mufti, kuasa dalam hal ehwal agama jawatankuasa fatwa dan fatwa berhubung dengan perkara nasional. Seksyen 54 Qaul muktamad yang hendak diikuti menegaskan:

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie.

Begitu juga sama keadaannya dengan Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008, dalam Bahagian III – Jawatankuasa Fatwa, Seksyen 26 Qaul Muktamad hendaklah diikuti menyebut:

- (1) Dalam mempertimbangkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 21 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 25 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie berlandaskan al-Quran, Hadis, Ijma' Ulamak dan Qiyas.

Penegasan yang sama turut ditetapkan dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 Negeri Pahang (Seksyen 41), Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 Negeri Perak (Seksyen 39), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Seksyen 54), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (Seksyen 42), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (Seksyen 54) dan Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 (Seksyen 39).

Perlis merupakan satu-satunya negeri yang berbeza dengan negeri-negeri lain daripada segi keterikatan dengan mazhab Syafi'i. Dalam Seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 dinyatakan:

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengikut Al-Quran dan atau Sunnah Rasulullah Sallahualaihi Wassalam.
- (2) Pada mengeluarkan sesuatu fatwa di bawah Bahagian ini Majlis dan Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengambil ingatan terhadap Adat Istiadat Melayu.

Berdasarkan beberapa peruntukan enakmen dan ordinan seperti di atas maka rakyat yang berada di negeri terbabit adalah terikat sepenuhnya dalam hal-hal yang melibatkan kemaslahatan awam<sup>2</sup>. Ini bermaksud rakyat negeri Perlis yang bermustautin di negeri lain, mesti mematuhi fatwa mazhab Syafi'i yang telah diputuskan. Demikian juga rakyat yang mendiami negeri Perlis perlu mematuhi fatwa-fatwa rasmi pihak berkuasa agama di sana, atas dasar kepatuhan kepada pemerintah dan undang-undang.

## **ANALISIS KAJIAN**

### **Taklid Sesebuah Mazhab Tidak Menyalahi Falsafah “Mengikut Sunah” Nabi SAW**

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, jelas bahawa taklid mazhab dalam pengamalan hukum Islam tidak membawa pengertian yang salah atau menjadikan para muqallid sebagai kumpulan manusia yang menyeleweng. Dalam catatannya, Ibn Khaldun (1988) menegaskan taklid merupakan suatu sunah (tradisi) dalam kalangan generasi salafussoleh sejak zaman sahabat Nabi SAW kerana pandangan ulama akan sentiasa menjadi rujukan awam.

Dalam persidangan Majmak Fiqah Islam kali ke-10 yang berlangsung di Mekah pada tahun 1987, suatu resolusi merumuskan khilaf antara mazhab bukanlah suatu percanggahan dalam Islam dan membenarkan umat Islam mengikut mana-mana mazhab tanpa sekatan dalam pelbagai urusan ibadat, muamalat, kekeluargaan, kehakiman dan jenayah, yang berpandukan sumber hukum syarak. Resolusi tersebut turut menyangkal pihak yang bersikap

---

<sup>2</sup> Perlu dipertegas bahawa keterikatan kepada mazhab Syafi'i tidak terlalu ketat. Terdapat peruntukan dalam enakmen-enakmen di atas membolehkan fatwa mazhab tersebut ditinggalkan di mana pandangan mazhab mazhab lain dijadikan rujukan apabila ianya bertentangan dengan masalah atau kepentingan umum di Malaysia khususnya.

anti mazhab dan mereka yang sering mencerca mazhab-mazhab fiqah dan para imamnya dengan menganggap perbuatan tersebut sebagai keji dan menyesatkan umat Islam (Al-Qaradhawi, 1991). Antara perkara yang turut dipersetujui ialah:

1. Mazhab merupakan sebuah institusi fiqah (*school of thought*) yang mempermudah umat Islam untuk memahami syariah dengan lebih jelas dan sempurna.
2. Bagi masyarakat awam, *ittiba' al-mazahib* menyediakan ruang kemudahan untuk mengamalkan rutin hukum Islam seharian tanpa diserabuti persoalan khilaf yang komplikated.
3. Keharusan mengikut mana-mana mazhab adalah terbuka dan tidak terikat secara rigid dengan suatu mazhab tertentu. Umat Islam boleh bertukar mazhab aka pandangan fuqaha' kepada fatwa mazhab lain yang lebih kuat, relevan dan bermanfaat.
4. Ikhtilaf pendapat tidak seharusnya membawa perpecahan dalam masyarakat.

Kepelbagaian mazhab wujud disebabkan ikhtilaf dalam kalangan fuqaha yang bermula sejak zaman para sahabat RA lagi. Abdul Karim Zaydan (1993) menyimpulkan sekiranya ikhtilaf dalam kalangan para sahabat mendatangkan kesan lebih besar kepada orang lain, apatah lagi dalam kalangan orang lain. Maka, sebab itu ikhtilaf para mujtahid tidak sewajarnya dilihat memecah-belahkan agama Islam. Sebaliknya, merupakan usaha pencerahan hukum kepada masyarakat walaupun telah berlaku fanatisme atau pemujaan (*taqdis*) terhadap beberapa tokoh mujtahid sehingga fatwa mereka diutamakan walaupun petunjuk al-Quran dan sunah terbukti sebaliknya.

### **Peranan dan Fungsi Kewujudan Mazhab**

Di samping itu, terdapat beberapa peranan penting lain mazhab fiqah dalam masyarakat awam seperti berikut:

1. Mazhab fiqah menjadi institusi yang menyusun secara sistematis keseluruhan syariat Islam melalui hukum-hukum fiqah sama ada yang disepakati semua fuqaha atau yang diijtihadkan oleh fuqaha Syafi'iyah dalam soal ibadat, mualamat, munakahat dan sebagainya. Ia secara tidak langsung menghubungkan masyarakat dengan tuntutan al-Quran dan sunnah dengan cara yang wajar atas alasan, bukan semua orang mampu memahami tuntutan kedua-dua sumber tersebut. Al-Quran dan sunnah mempunyai pakar yang menguasai perbahasannya sebagaimana kepakaran turut berlaku dalam semua bidang ilmu sama ada sains sosial mahupun sains tulen. Semua orang akan merujuk kepada pakar dalam bidang yang tidak diketahuinya.
2. Mazhab turut memperlihatkan proses istinbat hukum syarak dengan penggunaan pelbagai kaedah dan metodologi ijtihad oleh para fuqahnya. Proses yang sama turut dilalui pelbagai mazhab lain seperti mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. Suatu hal yang menarik di sini ialah, teks al-Quran dan hadis tidak diamalkan secara literal dan sembrono melainkan setelah dianalisis kandungannya, diteliti rasional hukumnya, dihubungkan pula dengan *maqasid* syariah serta disampaikan rumusan hukumnya kepada orang ramai. Ia penting supaya tuntutan syarak tidak mendatangkan beban kepada mukalaf selain tidak menimbulkan kontradiksi suatu hukum furuk dengan prinsip umum syariah. Penentuan hukum bukan sekadar bernoktah dengan semakan status kesahihan sesuatu hadis semata-mata. Analisis fuqaha turut bergantung kepada penguasaan bahasa Arab, pengambilkiraan adat resam setempat yang baik dan perbezaan pendapat fuqaha lain.
3. Mendisiplinkan masyarakat awam dengan pengetahuan dan amalan berkaitan hukum syarak secara konsisten. Dengan bermazhab, mereka yang bukan bertaraf mujtahid akan dapat mengetahui perkara-perkara yang menjadikan suatu hukum itu sah atau tidak sah, wajib atau sunat, haram atau makruh, dan wajar diikuti atau patut ditinggalkan. Begitu juga, mereka akan mengetahui fatwa dalam mazhabnya yang mungkin berbeza dengan mazhab lain. Cara ini mempermudah orang awam untuk mengesan titik-titik perbezaan pendapat antara para fuqaha. Keharmonian perbezaan pandangan dan sifat bertasamuh akan lebih terurus dalam konteks mazhab. Berbeza halnya jika tidak

bermazhab. Ia akan menggugat konsistensi ilmu dan memporak-perandakan amalan apabila perkara sunat akan dianggap wajib dan yang halal dikatakan haram. Malah lebih teruk, jika hal-hal khilafiyah turut dihukumkan bid'ah, sesat dan rekaan manusia yang kononnya bercanggah ajaran Islam.

Suatu hal yang semua pihak perlu sedari, sesebuah mazhab seperti mazhab Syafi'i (sebagai contoh) turut merangkum rumusan pemikiran Imam al-Syafi'i termasuk doktrin, metodologi ijtihad beliau dalam pengkajian al-Quran dan sunnah, dan aliran pemikiran fiqah yang berkembang pada zamannya. Istilah mazhab Syafi'i turut meliputi segala penulisan dan pandangan hukum yang dihasilkan para murid dan pengikut Imam al-Syafi'i, berlandaskan manhaj ilmiah beliau (Izz al-Din al-Tamimi, 1990). Dalam hal ini, orang yang tidak melazimi mazhab Syafi'i tidak akan memahami *nature* perbezaan pandangan antara Imam al-Syafi'i dengan fuqaha Syafi'iyah terkemudian. Justeru, orang itu mungkin akan terkeliru dengan wujudnya pandangan tertentu yang difatwakan sebagai kuat dalam mazhab tersebut.

Kajian ini turut mendapati ramai fuqaha mutakhirin yang terbilang dalam pelbagai bidang ilmu Islam masih memilih untuk 'bernaung' di bawah salah satu mazhab empat walaupun pada realitinya memiliki syarat-syarat mujtahid. Mereka tidak menonjolkan diri sebagai pengasas mazhab baharu atau mengangkat tahap kesarjanaan mereka di luar daripada lingkungan mazhab`imam-imam besar. Mereka menjadi salah seorang pendokong yang mengembangkan mazhab yang diikuti, kepada masyarakat awam (Mohd Hapiz, 2018).

## DAPATAN KAJIAN

### **Keiltizaman Mazhab Lebih Hampir Kepada *Maslahah* Perpaduan Umat Islam di Malaysia**

Kajian ini mendapati keiltizaman orang awam dengan mazhab Syafi'i dan tidak memilih untuk bebas mengikut mana-mana mazhab diperteguhkan dengan asas-asas seperti yang berikut:

1. Taklid atau *ittiba'* mazhab merupakan kaedah terbaik untuk mengimbangi keperluan duniawi dan ukhrawi. Solusi dalam kedua-dua keperluan ini ialah merujuk kepada *ahl al-zikr* iaitu para mujtahidin dan fuqaha sesebuah mazhab. Hal ini disebabkan pengetahuan hukum syarak dalam al-Quran dan sunnah tanpa penguasaan ilmu-ilmu alat seperti bahasa Arab, ulum al-Quran dan tafsir ayat-ayat hukum, ulum hadis dan *maqasid* syariah adalah sukar dicapai. Keadaan lebih sukar bagi para pelajar jurusan sains, farmasi, kejuruteraan, perubatan, ekonomi, kulinari ataupun hanya bersekolah di peringkat menengah sahaja. Mengkaji sendiri nas-nas hukum, tanpa merujuk kepada pakar hukum Islam sudah pasti akan tersesat. Agama Islam sendiri tidak mewajibkan semua orang menjadi pakar syariah ataupun pakar sunah sehingga mengabaikan bidang ilmu fardu kifayah lain.
2. Setiap mazhab fiqah yang muktabar diikuti kerana mempunyai ciri-ciri seperti *musannad* (bersanad)<sup>3</sup>, *mudallal* (berdalil)<sup>4</sup>, *mu'assol* (kembali ke dasar)<sup>5</sup>, *makhdam* (dijaga)<sup>6</sup>, *muqa'ad* (dirumuskan kaedah-kaedahnya)<sup>7</sup>, *mumanhaj* (mempunyai kerangka ilmiah)<sup>8</sup>, *muttasiq* (kebolehpercayaan)<sup>9</sup> dan *Munfatih* (keterbukaan)<sup>10</sup>. Ciri-ciri tersebut berjaya meyakinkan orang ramai kepada fatwa setiap mazhab terutama pada aspek validiti dan kesahan metodologinya.

<sup>3</sup> Setiap mazhab memiliki sanad sampai kepada Rasulullah SAW sehingga kesahihannya terjamin.

<sup>4</sup> Setiap mazhab memiliki kaedah menghujahkan dalil. Dalil tersebut tidak hanya dalil yang disebutkan secara eksplisit (langsung) saja, namun ada dalil yang implisit (tidak langsung).

<sup>5</sup> Setiap mazhab memiliki metodologi berfikir yang terkodifikasi dalam kitab-kitab usul fiqah, sehingga sangat tepat dan sistematik dalam pengambilan dalil daripada Al-Quran dan sunah.

<sup>6</sup> Setiap mazhab dipelihara oleh ribuan ulama dalam bentuk penulisan matan, syarahan dan *hasyiyah* serta khidmat ilmiah lain. Ini juga memberikan jaminan akan kesahihan pemahaman keagamaan yang ada di dalam mazhab.

<sup>7</sup> Setiap mazhab juga memiliki kaedah-kaedah fiqah seperti kitab "*Al-Asybah wa al-Nadhair*" karya Imam Suyuti dalam mazhab al-Syafi'i, kitab "*Al-Asybah wan Nadha'ir*" karya Ibn Nujaim dalam mazhab Hanafi, kitab "*Ta'sis al-Nadhar*" dalam mazhab Maliki, dan kitab "*Raudhat al-Nadzir*" dalam mazhab Hanbali.

<sup>8</sup> Setiap mazhab memiliki metod ijtihad yang jelas, terperinci dan tepat.

<sup>9</sup> Setiap mazhab memiliki kualiti amanah ilmiah yang tinggi dalam menyandarkan sebuah pendapat kepada penuturnyasama ada dikenal dengan fatwa *mukharraj* (rumusan ijtihad *ashabul wujuh*) atau fatwa *mansus* (rumusan ijtihad *mujtahid mutlaq*).

<sup>10</sup> Setiap mazhab memiliki cara berfikir yang sederhana, terbuka dan sangat toleran. Hal ini disebabkan ia mempunyai kaedah-kaedah usul fiqah dan hal-hal yang bersifat generik (*kulli*) yang masih memberikan ruang kepada generasi terkemudian untuk mengembangkannya sesuai dengan masalah-masalah kontemporari seiring dengan perkembangan zaman.

3. Walaupun tiada dalil khusus mewajibkan beriltizam mazhab tertentu, namun al-Buthi (2005) menegaskan demikian juga tiada dalil khusus yang mewajibkan muqallid perlu menukar mazhab setiap masa apabila sesuatu masalah fiqah terjadi. Dalam konteks ini, tiada dalil yang jelas menyokong atau menolak amalan iltizam seorang imam atau iltizam ramai imam. Semua dalil dalam masalah taklid bagi orang awam hanya menunjukkan bahawa muqallid wajib bertaklid kepada ulama dan meyakini ikutan fatwa taklidnya itu sah (betul)<sup>11</sup>.
4. Bukan suatu kesalahan jika muqallid meyakini semua hukum ijihad sesebuah mazhab (seperti mazhab Syafi'i) adalah sah, sebagaimana ia berpandangan fatwa pelbagai mazhab itu sah. Kedua-dua pilihan taklid ini adalah harus bagi seseorang muqallid. Justeru, dakwaan yang mengecam iltizam sesebuah mazhab seperti praktis majoriti orang Melayu yang bemazhab Syafi'i adalah kurang tepat. Dalam situasi ini, galakan beriltizam mazhab merupakan satu pentarjihan pendapat antara kedua-dua pilihan tersebut<sup>12</sup>.
5. Sesiapa yang mengkaji sejarah Islam selepas zaman kemunculan para mujtahidin seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad, pasti mendapati para imam, tokoh besar, reformis dan pemimpin utama umat ini beriltizam dengan mazhab tertentu tanpa bersikap taksub. Catatan tentang mazhab fiqah dalam setiap biografi tokoh sering ditemui dalam kitab-kitab sejarah terutamanya kitab *Tabaqat* yang menghimpunkan ulama Hanafiyyah, Malikiyyah, Syafi'iyah dan Hanabilah (Mohd Hapiz, 2018; al-Yafi'i, 2005).

<sup>11</sup> Karya yang dirujuk penulis adalah versi cetakan 2005 yang mencatatkan perbincangan tertutup selama tiga jam antara Sheikh al-Buthi dengan Sheikh Nasiruddin al-Albani mengenai sebuah buku bertajuk *Hadiyyat al-Sultan ila Muslimiy al-Yaban* yang ditulis oleh seorang Salafi bernama Muhammad Sultan al-Ma'sumi al-Khujandi. Al-Buthi mengkritik dakwaan buku tersebut antaranya, mengharamkan taklid kepada sesebuah mazhab kerana membayangkan para mujtahid tidak maksum melainkan Rasulullah SAW saja, selain menyatakan amalan tersebut adalah sesat. Ironinya, buku ini telah mendapat dokongan padu daripada Nasir al-Din al-Albani.

<sup>12</sup> Dakwaan bahawa keiltizaman dengan sesebuah mazhab merupakan suatu kesalahan ataupun bid'ah yang menyalahi tradisi salafussoleh adalah tidak tepat. Bagi golongan awam, amalan itu adalah sah kerana meyakini fatwa-fatwa mazhabnya betul. Sebelum ini telah dijelaskan perbezaan hukum bertaklid antara orang awam dengan ulama. Justeru, pendirian al-Khujandi dan Sheikh al-Albani yang melarang iltizam dengan mazhab tertentu tetapi pada masa sama menyeru orang awam mengikut pentarjihan hukum yang mereka lakukan merupakan satu bentuk keiltizaman mazhab secara tidak langsung.

6. Amalan bertaklid mazhab Syafi'i dalam masyarakat Melayu-Nusantara berjalan dalam tempoh yang panjang bermula daripada era perkembangan dakwah Islam pada kurun ke 13 Masehi. Pengukuhan mazhab ini, walaupun tidak secara menyeluruh tetapi amat dominan, telah disumbang oleh faktor politik, kekuasaan, pendidikan dan tokoh-tokoh ilmunan setempat (Sirajuddin Abbas, 1972 ; Abdul Rahman, 1990 ; Mahmud Zuhdi, 2004).

Berdasarkan hujah-hujah di atas, dapat ditegaskan bahawa cara paling harmoni bagi orang awam di Malaysia untuk memahami syariah dengan konsisten adalah beriltizam dengan sebuah mazhab seperti mazhab Syafi'i. Jika tidak semua bab, adalah memadai dalam bab ibadat asas yang tidak komplikated.

Namun penulisan ini tidak membantah sesiapa yang tidak mahu terikat dengan mazhab Syafi'i di Malaysia kerana pandangan yang mencadangkan keiltizaman mazhab ini hanya berasaskan keyakinan bahawa cara tersebut lebih harmoni dan mudah bagi orang awam. Jika para ilmunan lain berpandangan sebaliknya, ia bukan suatu masalah kritikal kerana penulisan ini tidak sesekali menghukumkan mereka sesat.

## **RUMUSAN**

Ruang lingkup syariah terlalu luas, sentiasa dinamik, berkembang dan komplikated. Penggalian makna, hikmah dan hukum dalam ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah SAW turut bergantung kepada bakat berijtihad dan ilmu-ilmu sokongan yang disebut sebagai ilmu alat seperti bahasa Arab merupakan prasyarat wajib untuk seseorang meneliti kandungan kedua-dua sumber itu. Penguasaan bidang ini menjadi kepakaran para mujtahid dan fuqaha.

Dari segi penghayatan syariah pula, lingkungan pendidikan agama dalam masyarakat Islam di Malaysia berjalan secara sistematik bermula dari peringkat tadika, sekolah rendah dan menengah serta pengajian tinggi berasaskan mazhab Syafi'i. Rantaian pendidikan ini telah memberikan sebuah gambaran besar yang jelas tentang hukum-hukum fiqah dan persoalan asas fardhu ain yang melibatkan rukun, syarat, perkara-perkara sunat, makruh dan yang membatalkan sesuatu ibadat.



Taklid mazhab Syafi'i berjaya memberikan kefahaman hukum yang standard kepada setiap peringkat masyarakat sebelum didedahkan kepada ikhtilaf pendapat dengan mazhab lain pada peringkat selanjutnya. Seterusnya keiltizaman dengan mazhab Syafi'i sebagai sebuah platform kukuh ke arah penjanaan dinamisme hukum fiqah di Malaysia juga masih relevan walaupun isu fanatik mazhab adalah suatu hal yang tidak dapat dielakkan kerana turut berlaku dalam semua aliran pemikiran.

Para sarjana Syafi'i di Malaysia perlu bersikap lebih terbuka terhadap fatwa mazhab-mazhab lain yang boleh dijadikan alternatif kepada suatu permasalahan semasa demi kemaslahatan masyarakat. Penerimaan fatwa mazhab lain tidak bermakna mereka telah terkeluar daripada ikatan syariah atau mengurangkan penghormatan terhadap ketelitian fuqaha mazhab Syafi'i silam dalam kajian hukum syarak. Sama ada sedar ataupun tidak, banyak keputusan fatwa kontemporari telah pun mengambil faedah daripada fatwa-fatwa mazhab lain terutama dalam hukum muamalat bagi kemudahan urusan orang ramai. Justeru, keterbukaan terhadap fatwa pelbagai mazhab fiqah selain mazhab Syafi'i tidak sepatutnya menjadi sebab berlakunya pelabelan Wahhabi, anti-mazhab Syafi'i, menyeleweng atau meremehkan autoriti kitab-kitab fiqah Syafi'iyah terhadap sarjana hukum yang melakukannya.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini berasal dari kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Asas Maqasid Syariah Ke-3 Peringkat Antarabangsa (SAMS) Ijazah Sarjana Muda (Syariah) Sesi 2017/2018 Universiti Sultan Zainal Abidin pada 13-15 April 2018

## **RUJUKAN**

Al-Quran al-Karim

Abdul Rahman Hj. Abdullah. (1990). *Pemelukan Umat Islam di Nusantara*. Kuala Lumpur: DBP.

- Al-Attar, Hasan bin Muhammad. (t.t.). *Hasyiah al-Attar ala Syarh al-Jalal al-Mahalli ala Jam' al-Jawami'*. t.p: t.tp.
- Al-Buthi, Said Ramadhan. (2005). *Alla Mazhabiyyah Akhtar Bid'ah Tuhaddid al-Syariah*. Dimasyq: Dar al-farabi.
- Al-Hafnawi, M. I. (1995). *Tabsir al-Nujaba' bi Haqiqah al-Ijtihad wa al-taklid wa al-Talfiq wa al-Ifta'*. Cairo: Dar al-Hadith.
- Al-Khudari, Muhammad. (t.t). *Usul al-fiqah*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Nawawi. Muhy al-Din Yahya ibn Syaraf. (2000). *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*. Tahqiq oleh Khalil Ma'mun Syiha. Edisi ke 7. Beirut : Dar al-Ma'rifah.
- Al-Qaradawi, Yusuf Abd Allah (1991). *Al-Sahwah al-Islamiyyah Bayn al-Ikhtilaf al-Mashru' wa al-Tafarruq al-Mazmum*. Cairo: Dar al-Sohwah.
- Al-Subki, Ali ibn Abd al-Kafi & al-Subki, Abd al-Wahhab. (1995). *Al-Ibhaj fi Sharh al-Minhaj*. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Subki, Taqiy al-Din Ali Abd al-Kafi. (1993). *Ma'na al-Qawl al-Muttalibi Iza Sahh al-Hadith fahuwa Mazhabi*. Kaylani Muhammad Khalifah (tahqiq). Beirut: Mu'assasah Qurtubah.
- \_\_\_\_\_. (1995). *Al-Ibhaj fi Syarh al-Minhaj*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah: Beirut.
- Al-Tamimi, I. a.-D.-K. (1990). Athar al-Mazhab al-Shafi'iy fi al-Alam al-Islami wa Kharijiha. *Al-Imam al-Shafi'iy: Zikra Murur 12 Qarnan ala Wafatihi* (pp. 506-507). Kuala Lumpur: Al-Munazzamah al-Islamiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Ulum wa al-Thaqafah & IIUM.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1996). *Usul al-fiqah al-Islami*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Amir al-Hajj, Muhammad bin Muhammad. (1983). *Al-Taqrir wa al-Tahbir*. Edisi ke 2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Ibn Abd al-Syakur, Muhibbullah. (t.t). *Musallam al-Thubut*. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali ibn Ahmad. (t.t). *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Ahmad Muhammad Syakir (Tahqiq). Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Ibn Khaldun, Abdul Rahman. (1988). *Diwan al-Mubtada' wa al-Khabar, fi Tarikh al-'Arab wa wa al-Barbar, wa man Asharahum min Dzawi al-Sya'n al-'Akbar*. Khalil Syahadah (tahqiq). Edisi ke 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Mukarram. (1993). *Lisan al-Arab*. Edisi ke 4. Beirut: Dar Sadir.
- Mahmud Zuhdi & Paizah Ismail (2004). *Pengantar Pengajian Syariah*, al-Bayan Corp. Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Mohd. Hapiz Mahaiyadin. (2017). *Ini Mazhabku Bagaimana Saya Beriltizam dengan Mazhab*. Sepang: Inspirasi I Media.
- \_\_\_\_\_. (2018). *Memahami Proses Istinbat Hukum Syarak*. Kepala Batas: Excelligent Resources.
- Sirajuddin Abbas. (1972). *Sejarah dan Keagongan Mazhab Syafi'i*. Jakarta: Pustaka Tarbiyah.
- Zaydan, Abd al-Karim. (2002). *Usul al-Da'wah*. Edisi ke 9. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

## SENARAI STATUT

- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Negeri Pahang) 1991  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perak) 1992  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004

*Journal of Contemporary Islamic Studies*

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006.  
Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008  
Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001